

*Artikel*

**Analisis Fonologi Vokal Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Buku Pendidikan Moral Tingkatan Lima**  
(*Phonological Analysis of Arabic Loanwords Vocal in Pendidikan Moral Tingkatan Lima*)

Abdul Azim Mohamad Isa<sup>\*1</sup>, Fitri Nurul'ain Nordin<sup>1</sup>, Muhamad Zaidi Zakaria<sup>1</sup>,  
Ahmad Wan Abdul Rahman<sup>1</sup> & Muhammad Nursafwan Hazeman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Arab, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Bahasa Moden, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim,  
80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [abdul\\_azim7911@uitm.edu.my](mailto:abdul_azim7911@uitm.edu.my)

Diserah: 05 Mac 2025

Diterima: 02 Mei 2025

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perubahan fonem dan suku kata yang berlaku terhadap perkataan pinjaman bahasa Arab berbanding perkataan asal bahasa Arab. Kajian juga dijalankan untuk menganalisis kaedah fonologi yang berkaitan dengan perkataan pinjaman bahasa Arab berbanding perkataan asal bahasa Arab. Teori Crowley (1987) yang berkaitan perubahan bunyi dirujuk untuk menganalisis data kajian. Pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini dan berbentuk deskriptif dalam bidang linguistik yang bertujuan untuk mengenal pasti perkataan pinjaman bahasa Arab yang mengalami perubahan vokal panjang menjadi pendek. Sampel kajian ini merupakan sebuah buku Pendidikan Moral Tingkatan Lima (PMTL) ditulis oleh Mohd Hilmie, Barati, dan Anuratha Bai tahun 2020. Sebanyak 20 kata pinjaman bahasa Arab didapati tertulis dalam sampel yang dikaji. Analisis mendapati vokal panjang berubah kepada vokal pendek kerana vokal panjang tidak terdapat dalam sistem fonetik bahasa Melayu. Pengurangan jumlah suku kata dalam bahasa Melayu tidak berlaku melainkan segmen sahaja yang berkurang hasil daripada perubahan tersebut. Perubahan vokal /ā/ paling banyak didapati dalam perkataan pinjaman yang berubah menjadi /a/, seterusnya vokal /ū/ yang berubah kepada /i/, dan akhir sekali vokal /ū/ yang berubah kepada /u/. Proses perubahan bunyi *sound loss* melalui *syncope* mengubah vokal panjang menjadi pendek kerana *syncope* menghilangkan satu segmen daripada perkataan di bahagian tengah, iaitu menggugurkan satu fonem vokal daripada fonem vokal panjang yang terbina daripada kata pinjaman bahasa Arab dalam PMTL.

**Kata kunci:** Bahasa Arab; fonem; fonologi; suku kata; vokal

**Abstract:** This study aims to study the phoneme and syllable changes that occur in Arabic loanwords compared to Arabic original words. The study was also conducted to analyze the phonological methods related to Arabic loanwords compared to Arabic original words. Crowley's (1987) theory related to sound changes was referred to to analyze the study data. A qualitative approach using the content analysis method was used in this study and is descriptive in the field of linguistics which aims to identify Arabic loanwords that experience long vowel changes to short vowels. The sample of this study is a book entitled Pendidikan Moral Tingkatan Lima (PMTL) written by Mohd Hilmie, Barati, and Anuratha Bai in 2020. A total of 20 Arabic loanwords were found written in the sample studied. The analysis found that long vowels changed to short vowels because long vowels are not found in the phonetic system of the Malay language. The reduction in the number of syllables in the Malay language did not occur except for segments that were reduced as a result of

the change. The vowel change /ā/ is most commonly found in loanwords which changes to /a/, followed by the vowel /ī/ which changes to /i/, and finally the vowel /ū/ which changes to /u/. The process of sound loss through syncope changes a long vowel to a short one because syncope removes a segment from the middle of a word, which is to drop a vowel phoneme from the long vowel phoneme that is built from Arabic loanwords in PMTL.

**Keywords:** Arabic language; phoneme; phonology; syllable; vocal

## Pendahuluan

Fonologi ialah bidang dalam linguistik yang mengkaji bunyi-bunyi bahasa, proses pembentukan, transformasi, dan fungsi secara keseluruhan (Faridah & Maridah, 2013). Secara amnya, fonologi ialah penyelidikan tentang bunyi pertuturan dan undang-undang yang mengawalnya, terutamanya undang-undang yang mengawal komposisi dan gabungan bunyi (Idsardi & Monahan, 2016). Salah satu aspek dalam pemerolehan bahasa juga melibatkan fonologi, yang biasanya dirujuk sebagai perkembangan atau pertumbuhan bahasa (Waridah, 2016). Secara terminologi bahawa fonologi adalah cabang bidang ilmu bahasa (linguistik) yang mengkaji bunyi-bunyi bahasa, proses terbentuknya dan perubahannya (Gani, 2019). Fonologi mengkaji bunyi bahasa secara umum dan fungsional (Lina, 2019). Menurut Nik Hassan Basri (2005), fonologi adalah bidang yang menentukan sistem bunyi satu-satu bahasa dengan berdasarkan jenis-jenis bunyi sama ada bunyi itu distingtif atau tidak distingtif.

Perkataan pinjaman adalah merupakan unsur yang lazim dalam mana-mana bahasa yang telah wujud selama berabad-abad. Selain itu, ia adalah satu proses penting dalam perkembangan bahasa tertentu. Oleh itu, pertembungan bahasa atau pertembungan masyarakat pengguna bahasa yang berbeza, menyebabkan peminjam kata yang merupakan gejala biasa dalam bahasa (Ahmad Thalal et al., 2011). Pertembungan ini menyebabkan perubahan dalam pelbagai aspek bahasa, terutamanya dalam bunyi atau fonologi, struktur kata atau morfologi, dan struktur ayat atau sintaksis.

Kata pinjaman turut dikenali sebagai kata serapan yang diserap secara langsung daripada bahasa sasaran atau kata yang diterjemahkan sebagai konsep semantik yang ditiru daripada kata asing. Kemasukan unsur-unsur asing dari bahasa lain ke dalam bahasa sasaran tidak dapat dihindari. (Pabiyah & Che Radiah, 2011). Begitu juga yang berlaku dalam bahasa Melayu yang meminjam kata dari bahasa Sanskrit, Arab, Belanda dan kini Inggeris. Peminjaman kata bahasa Arab dalam bahasa Melayu telah berlaku sejak berabad yang lalu bermula dari sejarah kedatangan para perantau Islam ke Tanah Melayu yang membawa agama dan bahasa mereka sekali. Terdapat banyak kosa kata bahasa Arab yang dipinjam dan digunakan untuk keagamaan (Shamimah, 2006) sehingga perkataan tersebut telah diserapkan sebagai leksikon Melayu (Puteri Roslina, 2012).

Perkataan Arab yang dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu meliputi pelbagai aspek (Mohamad & Aniswal, 2022). Walau bagaimanapun, melalui proses peminjaman ini, terdapat beberapa perkataan Arab yang dipinjam ini melalui perbezaan dari segi ejaan vokal. Secara umum, apabila perkataan Arab dipinjam ke dalam bahasa Melayu, ejaan vokal seringkali disesuaikan mengikut sistem ejaan Melayu. Ini boleh menyebabkan perbezaan antara ejaan perkataan Arab yang asal dan ejaan perkataan pinjaman dalam bahasa Melayu.

Shah dan Mardiah (2023) mendapati 26 kosakata yang mengalami perubahan modifikasi vokal. Kosakata dengan bunyi /ī/, /ā/ dan /ū/ mengalami modifikasi vokal berupa pemendekan bunyi /ī/ menjadi bunyi /i/, bunyi /ā/ menjadi /a/ dan bunyi /ū/ menjadi bunyi /u/ ketika kosakata tersebut diserap ke bahasa Indonesia. Hal ini disebabkan karena ketiga bunyi /ī/, /ā/ dan /ū/ tidak ditemukan dalam bahasa Indonesia dan sulit untuk dieja oleh kebanyakan orang Indonesia, sehingga perlu digantikan bunyi vokal tersebut untuk membantu pengejaan bagi penutur asli bahasa Indonesia.

Perubahan vokal daripada bahasa sumber kepada perkataan pinjaman memberi kesan kepada perubahan bentuk suku kata. Perubahan suku kata boleh berlaku dalam beberapa keadaan. Keadaan pertama iaitu pertambahan jumlah suku kata daripada bahasa sumber kepada perkataan pinjaman, seperti [harf] yang terbentuk dengan satu suku kata dalam bahasa Arab kepada [hu.ruf] yang berjumlah dua suku kata. Keadaan

kedua iaitu pengurangan suku kata dalam perkataan pinjaman daripada bahasa sumber, seperti [de.ca.no] dalam bahasa Portugis yang terbentuk dengan tiga suku kata dan berkurang kepada dua suku kata dalam bahasa Melayu menjadi [de.kan]. Keadaan ketiga pertambahan segmen dalam suku kata, seperti [gan.dm] dalam bahasa Parsi berubah dengan penambahan segmen /u/ lalu menjadi [gan.dum] dalam bahasa Melayu. Keadaan keempat pengurangan segmen dalam suku kata, seperti [card] dalam bahasa Inggeris berubah kepada [kad] sahaja dengan pengurangan segmen /r/.

Peminjaman perkataan daripada bahasa lain mendorong kepada perubahan fonem dan struktur perkataan kepada bahasa sasaran dan setiap perubahan memerlukan proses fonologi tertentu bagi menghasilkan bunyi yang sesuai dalam bahasa yang terlibat. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perubahan fonem vokal dan perbezaan suku kata yang berlaku terhadap perkataan pinjaman bahasa Arab berbanding perkataan asal bahasa Arab, dan kaedah fonologi yang berlaku pada perkataan pinjaman Bahasa Arab yang mengandungi vokal panjang dalam perkataan asal bahasa Arab.

## Sorotan Literatur

Perubahan vokal berlaku dalam peminjaman bahasa dan dialek dan loghat setempat. Bagi bahasa-bahasa yang tiada vokal panjang, memendekkan vokal panjang menjadi pendek adalah kaedah fonologi yang biasa terjadi, seperti /ü/ pada perkataan bahasa Arab [rūh] menjadi /o/ dalam bahasa Melayu [roh]. Perubahan bunyi vokal yang berbeza juga berlaku dalam perkataan pinjaman dan dialek dan loghat, seperti [ba.la] menjadi [ba.le] iaitu vokal /a/ berubah menjadi /e/ dalam dialek sebutan Melayu Riau, diftong /au/ berubah kepada diftong /ai/ dalam pinjaman bahasa Inggeris [pa.ra.dise] daripada perkataan Arab [fir.daus] dan lain-lain lagi. (Yahaya et al., 2016, Nurshuhada et al., 2017, Julul, 2020, Terfa, 2021, & Zulfadli et al., 2023).

Perubahan suku kata turut berlaku apabila vokal berubah dalam perkataan pinjaman daripada perkataan asal. Segmen konsonan dan vokal dalam satu-satu perkataan mengalami pelbagai proses, seperti pengurangan segmen, penambahan segmen, dan pertukaran segmen. Proses-proses melibatkan perubahan segmen ini juga memberi kesan kepada pengurangan dan penambahan suku kata dalam perkataan pinjaman (Noor Azlina et al. 2015, Amrulloh, 2020, Messaoudi, 2022, & Muhammin et al., 2024).

Pelbagai proses fonologi yang mengubah bunyi daripada satu perkataan menjadi bunyi yang lain berlaku dalam konteks peminjaman bahasa. Proses perubahan bunyi secara kerangka teori deskriptif (Al-Hashmi, 2016, Ali Adrob, 2020, Nayif Fairuza, 2018, Menson-Makalingkang et al., 2021, & Dina et al., 2025), mahupun janaan (*generative*) (Hashemi et al., 2014, Iskender, 2015, Almuddin et al., 2019, Brozbā & Ungureanu, 2019, Ana & Agus, 2020, Prihandani & Subiyanto, 2021, Thamanna & Somdev, 2024, & Al-Haider, 2025) menunjukkan fenomena fonologi yang tersendiri.

### 1. Vokal

Fonem merujuk kepada unit bahasa yang terkecil dan boleh dipenggal-penggalkan. Hal ini bersesuaian dengan sifat fonem yang memang boleh dicerakinkan antara satu dengan yang lain. Sebagai contohnya, perkataan table boleh dipenggalan kepada lima unit penggalan yang lebih kecil atau lima fonem yang berasungan iaitu /t/, /a/, /b/, /l/ dan /e/. Unit-unit terkecil ini tidak mempunyai makna jika diletakkan secara berasingan. Fonem terbahagi kepada dua bunyi iaitu bunyi konsonan dan bunyi vokal.

Bunyi vokal terhasil apabila udara keluar daripada rongga mulut tidak mengalami sekatan atau himpitan. Bunyi vokal juga dipengaruhi oleh pengaruh lidah, keadaan rongga mulut dan bentuk bibir (Hawkins, 2018). Vokal adalah bunyi bahasa yang arus udaranya tidak mengalami rintangan dan kualitasnya ditentukan oleh tiga faktor iaitu ketinggian posisi lidah, bahagian lidah yang dinaikkan dan bentuk bibir pada pembentukan vokal itu (Hayes, 2007). Semua bunyi yang disebut sebagai vokal berlaku apabila arus udara bebas mengalir melalui alat artikulasi tanpa sekatan atau halangan. Oleh kerana halangan pada pita suara menyebabkan pita suara bergetar, bunyi yang dihasilkan oleh halangan ini dikenali sebagai vokal (Ratna Hanin, 2018).

Menurut Siti Aishah et al. (2023), bahasa Melayu standard mempunyai enam fonem vokal, iaitu /i/, /e/, /a/, /o/, /u/ dan /ə/. Selain daripada itu, bahasa Melayu mempunyai tiga jenis diftong yang digunakan, iaitu

/aj/ seperti pada perkataan [lain]/, /aw/ pada perkataan [sauk], dan /iu/ pada perkataan /tiup/ (Nur Farahkhanna, 2018).

Berbeza dengan sistem inventori vokal bahasa Melayu, bahasa Arab mempunyai tiga vokal asas iaitu // (ا/), /ي/ (ي/), /و/ (و/). Vokal-vokal ini berkembang menjadi vokal pendek (monoftong) dan vokal panjang serta dua bunyi diftong. Bunyi vokal monoftong terdiri daripada tiga vokal panjang dan tiga vokal pendek. Bunyi diftong dalam bahasa Arab terdiri daripada bunyi /ay/ dan /aw/. Diftong /ay/ dihasilkan daripada bunyi vokal /a/ dan menggeluncur ke bunyi separuh vokal /y/. Manakala diftong /aw/ dihasilkan daripada bunyi vokal /a/ yang menggeluncur ke bunyi separuh vokal /w/.

Vokal panjang adalah vokal yang waktunya mengucapkannya memerlukan tempo dua kali vokal pendek. Mad ialah istilah untuk vokal panjang atau biasa. Istilah itu sendiri bermaksud menambah dan memanjang, manakala istilah itu sendiri bermaksud memanangkan suara atau bacaan apabila huruf-huruf mad sukun (dalam keadaan mati) (Amalia, 2015). Pembentukan vokal panjang dalam bahasa Arab dilakukan dengan penempatan harakat *fathah* ganda untuk vokal panjang /ā/, *kasrah* ganda untuk vokal panjang /ī/ dan *dhammah* berganda untuk vokal panjang /ū/. Ini adalah tiga bentuk vokal pendek /a/, /u/, /i/, dan vokal panjang /a:/, /u:/, /i:/ yang ada dalam bahasa Arab (Nasir et al., 2023).

Jadual 1. Vokal bahasa Melayu dan Arab standard

Huruf vokal	Fonem BM standard	Fonem BA standard
a	/a/	/a/
a a	-	/ā/
e	/e/	-
i	/i/	/i/
i i	-	/ī/
o	/o/	-
u	/u/	/u/
u u	-	/ū/
e	/ə/	-

## 2. Suku kata

Suku kata ialah pecahan pada sesuatu kata yang terdiri daripada satu vokal (V) atau gabungan vokal dengan konsonan (K). Suku kata hanya akan terbentuk dengan adanya bunyi vokal kerana bunyi konsonan sahaja tidak dapat membentuk suku kata dalam bahasa Melayu. Suku kata adalah unit yang berperanan membentuk struktur kata, mempengaruhi pengucapan, dan menentukan pola rima yang terdiri daripada satu atau lebih fonem. Antara fungsi suku kata ialah membentuk struktur kata yang merupakan unit pembangun kata yang dibentuk daripada kombinasi suku kata. Suku kata juga berfungsi dengan cara mempengaruhi ucapan dan sebutan. Suku kata terbuka diucapkan dengan lebih terbuka dan bebas, manakala suku kata tertutup diucapkan dengan lebih tertutup dan tertahan. Fungsi suku kata yang seterusnya ialah menentukan pola rima bacaan dalam puisi dan lagu apabila suku kata terbuka dan tertutup dapat digunakan untuk menciptakan pola rima yang indah.

Struktur atau pola suku kata bahasa Melayu terdiri daripada dua jenis, iaitu struktur asli dan struktur pinjaman. Struktur asli bahasa Melayu mempunyai empat struktur sahaja iaitu:

Jadual 2. Struktur asli bahasa Melayu

Struktur	Contoh
V	[a.kar], [e.lok], [i.kat], [o.leh], [u.lat]
VK	[am.bil], [em.puk], [im.bang]
KV	[ka.sut], [le.mak], [pi.sau], [ko.tor], [pu.lau]
KVK	[lam.pu], [ken.di], [pin.tu], [bom.ba], [tun.da]

\*V = vokal, K = konsonan

Manakala struktur suku kata pinjaman pula terdiri daripada tujuh struktur yang kebanyakannya dipinjam daripada bahasa Inggeris atau bahasa Eropah lain, seperti berikut:

Jadual 3. Struktur kata pinjaman bahasa Melayu

Struktur	Contoh
KKV	[pro.tes], [kri.ket], [indus.tri]
KKVK	[trak.tor], [pres.tasi], [elek.tron], [eks.pres]
VKK	[eks.port], [eks.tradisi]
KVKK	[bank], [kon.teks], [im.port]
KKVKK	[kom.pleks]
KKKV	[stra.tegi]
KKKVK	[struk.tur]

Struktur kata bahasa Arab pula terbina daripada enam suku kata seperti berikut:

Jadual 4. Struktur kata bahasa Arab

Struktur	Contoh
KV	[ja.la.sa] (duduk), [ku.ti.ba] (ditulis)
KVV	[saa.ra] (bergerak), [qii.la] (dikatakan)
KVK	[mak.tab] (meja), [mas.jid]
KVVK	[sa.laam] (sejahtera), [syia.diid] (tegas), [su . juud]
KVKK	[kasb] (buat)
KVVKK	[jaann] (pelindung)

Terdapat dua jenis suku kata iaitu suku kata tertutup dan suku kata terbuka dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Arab. Suku kata terbuka adalah suku kata yang diakhiri dengan bunyi vokal. Bunyi vokal ini dapat diucapkan secara terbuka dan bebas, manakala suku kata tertutup pula adalah suku kata yang diakhiri dengan bunyi konsonan. Bunyi konsonan ini menutup bunyi vokal sebelumnya dan tidak dapat diucapkan secara terbuka.


Jadual 5. Jenis suku kata bahasa Melayu dan Arab

Jenis	Simbol	Contoh b. Arab	Contoh b. Melayu
Pendek terbuka	K V	/bi/	/bo/ /la/
Panjang terbuka	K V V	/m a a / → /mā/	-
Pendek tertutup	K V K	/q u l/	/kan/
Panjang tertutup	K V V K	/n a a l/ → /nāl/	-
Tertutup ganda	K V K K	/k a s b/	/port/

### 3. Teori Crowley (1987)

Perubahan bunyi pada suatu bahasa terjadi ketika bunyi tersebut dengan bunyi yang lain digabungkan sehingga terjadinya perubahan tersebut kerana adanya penyesuaian ciri atau identiti yang dimiliki oleh bunyi bahasa yang mengikutinya. Perubahan bunyi menurut Crowley terbahagi kepada tiga jenis, iaitu (1) perubahan fonetis tanpa perubahan fonem, (2) perubahan fonetis dengan perubahan fonem dan (3) perubahan fonem tanpa perubahan fonetis. Perubahan bunyi yang dibahas di sini adalah perubahan bunyi yang tidak menimbulkan perubahan makna (Fina et al., 2020).

Crowley (1987) mengemukakan sembilan jenis perubahan bunyi, iaitu (1) *lenition*, (2) *assimilation*, (3) *dissimilation*, (4) *metathesis*, (5) *tone change*, (6) *unusual sound change*, (7) *fusion, fission and breaking*, (8) *additional sound*, dan (9) *sound loss*. Pengkaji mengekalkan istilah proses perubahan bunyi dalam bahasa Inggeris bagi memudahkan pengkaji lain merujuk teori yang digunakan. *Lenition* merupakan perubahan daripada bunyi yang lebih kuat kepada bunyi yang lebih lemah, seperti perubahan bulan kepada fulan dalam bahasa Kara. *Assimilation* pula adalah perubahan bunyi yang terjadi akibat terkesan dan terpengaruh dengan bunyi lain, seperti [inbalance] yang berubah kepada [imbalance] kerana huruf /n/ berubah menjadi /m/ terkesan dengan huruf /b/. *Dissimilation* merujuk kepada perubahan bunyi yang berlawanan dengan *assimilation* menyebabkan bunyi berubah kepada yang lebih berbeza daripada bunyi asal, seperti [sxo;n] menjadi [sko;n] (bersih) dalam dialek satu puak di Afrika Selatan, yang menunjukkan /x/ berubah kepada bunyi yang berbeza kepada /k/.



Rajah 1. Teori Crowley (1987)

*Metathesis* adalah perubahan janggal yang berlaku dalam satu-satu bahasa yang melibatkan kedudukan fonem dalam satu-satu perkataan, seperti yang berlaku pada perkataan [*tubus*] (tebus) menjadi [*subut*] dalam dialek tagalog di Filipina. *Tone change* pula adalah penggunaan nada yang berbeza-beza dalam satu-satu suku kata melibatkan konsonan dan vokal tertentu, seperti bahasa Vietnam yang banyak menggunakan nada rendah apabila melibatkan suara hembusan. *Unusual sound change* pula merujuk kepada situasi perubahan sebutan bunyi asal dengan bunyi berubah yang datang daripada tempat keluar yang jauh berbeza, seperti perubahan besar bunyi [*dua*] kepada [*yua*], iaitu /d/ keluar daripada gigi hadapan dan lidah, manakala /ŋ/ keluar daripada hidung dalam bahasa Mekeo.

*Fusion* merujuk kepada gabungan dua bunyi berbeza menjadi satu bunyi tunggal, seperti beberapa bunyi nasal yang berubah bunyi kepada nasal yang yang lain setelah bergabung bunyi vokal dan bunyi nasal /i/ + /n/ = /ŋ/ pada perkataan /poin/ berubah kepada /poŋ/ dalam bahasa Perancis. Manakala *fission* adalah versi berbeza dengan *fusion* iaitu satu bunyi yang dipecahkan kepada dua bunyi berbeza, seperti [*kamion*] (lori) yang berpecah kepada [*kamjo*] seperti dalam bahasa Bislama yang memecahkan bunyi nasal /ŋ/ kepada /o.o/. *Vowel breaking* pula mengubah satu bunyi vokal kepada bunyi diphthong, seperti [*pale*] (rumah) berubah kepada [*pial*] dalam bahasa Kairiru.

Manakala, *sound addition* melibatkan bahagian akhir bunyi dan perkataan selepas konsonan, di mana kebanyakan bahasa menambahkan bunyi vokal sebagai fonem terakhir, seperti perkataan [*book*] dalam bahasa Inggeris yang berubah kepada [bu.ku] setelah menjadi perkataan pinjaman dalam bahasa Melayu. Penambahan konsonan kepada perkataan asal amat jarang berlaku pada perkataan pinjaman. Terdapat pelbagai jenis *sound addition* melibatkan perkataan pinjaman antara satu bahasa kepada bahasa lain. Jenis pertama ialah *excrescence*, iaitu pertambahan satu konsonan di antara dua konsonan dalam satu perkataan. Pertambahan ini jarang berlaku namun terdapat dalam beberapa bahasa tertentu, seperti dalam bahasa Inggeris pada perkataan [*em.ty*] menjadi [*emp.ty*], iaitu pertambahan konsonan /p/ antara /m/ dan /t/. Jenis kedua ialah *epenthesis or anaptyxis*, iaitu pertambahan satu vokal antara dua konsonan, seperti perkataan bahasa Inggeris [*film*] yang ditambah vokal /e/ antara /f/ dan /m/ lalu berubah kepada perkataan [*fi.lem*] dalam bahasa Melayu. Jenis ketiga pula ialah *prothesis* yang melibatkan pertambahan bunyi di awal perkataan, seperti perkataan dalam satu dialek di Kanada yang menambah fonem /j/ pada perkataan asal [*eradu*] lalu membentuk [*jeradu*] (dua).

Perubahan bunyi terakhir ialah *sound loss* yang melibatkan satu atau dua bunyi dalam satu-satu perkataan yang terbahagi kepada lima jenis, iaitu yang pertama *Apheresis* yang merupakan pengguguran satu segmen penting pada awal perkataan, seperti satu dialek di Australia yang menghilangkan fonem /m/ pada

perkataan [*ma.ji*] (makanan) lalu menghasilkan sebutan [*a.ji*]. Jenis kedua ialah *apocope* iaitu pengguguran fonem di akhir perkataan, seperti bahasa Inggeris [per.cep.tion] yang digugurkan bunyi /on/ di akhir perkataan dan berubah kepada [per.sep.si] dalam bahasa Melayu. Jenis ketiga ialah *syncope* iaitu pengguguran segmen di pertengahan perkataan, seperti perkataan [*ma.ri*] dalam bahasa Melayu yang digugurkan bunyi /r/ pada pertengahan perkataan dan berubah kepada [*mai*] dalam dialek Kedah. Jenis keempat ialah *cluster reduction* iaitu pengguguran segmen dalam suku kata dalam satu perkataan ketika sebutan dalam satu-satu bahasa, seperti bunyi /r/ dalam bahasa Melayu yang selalu digugurkan dalam sebutan walaupun di pertengahan perkataan, seperti perkataan [*ce.mer.lang*] yang disebut [*ce.me.lang*] setelah /r/ digugurkan. Jenis kelima pula ialah *haplography* iaitu pengguguran suku kata dalam satu-satu perkataan, seperti perkataan [*i.te.na.ra.ry*] yang disebut dengan [*i.te.na.ry*] apabila suku kata [ra] digugurkan.

## **Metodologi Kajian**

### **1. Reka bentuk kajian**

Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk deskriptif dalam bidang linguistik yang bertujuan untuk mengenal pasti perkataan pinjaman bahasa Arab yang mengalami perubahan vokal panjang menjadi pendek. Menurut Marican, S. (2005), deskriptif bertujuan untuk memberikan gambaran yang tepat terhadap ciri-ciri yang terdapat dalam satu set data. Seterusnya, kajian ini juga akan menganalisis kaedah fonologi perkataan pinjaman bahasa Arab dalam buku PTML.

Pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Mohd. Majid (2005) menyatakan bahawa kajian deskriptif adalah jenis penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan fenomena yang berlaku. Kajian ini berasaskan kepada data yang telah dikumpul dan dianalisis. Kaedah analisis kandungan kemudiannya digunakan untuk menganalisis data. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang kaedah fonologi yang berlaku pada perkataan pinjaman bahasa Arab yang mengandungi vokal panjang.

### **2. Sampel Kajian**

Sampel kajian ini terdiri daripada sebuah buku Pendidikan Moral Tingkatan Lima (PMTL) ditulis oleh Mohd Hilmie, Barati, dan Anuratha Bai tahun 2020. Pengkaji memilih sampel ini kerana banyak perkataan bertemakan moral dalam bahasa Melayu banyak dipinjam daripada perkataan bahasa Arab dan telah direkodkan ke dalamnya. Buku ini juga dipilih sebagai simbol silang budaya Melayu yang bersamaan dengan budaya Arab dalam membentuk moral yang dituntut dalam agama Islam ke atas masyarakat di Malaysia amnya. Data dalam kajian ini dikumpulkan melalui analisis terhadap perkataan pinjaman bahasa Arab dalam buku PMTL yang terbina daripada vokal panjang dalam kata Bahasa Arab. Pengkaji akan meneliti setiap perkataan dari awal hingga akhir untuk memastikan bahawa perkataan dalam buku PMTL adalah salah satu daripada perkataan pinjaman dari bahasa Arab yang mempunyai vokal panjang.

### **3. Pengumpulan Data**

Pengkaji memulakan pengumpulan data dengan mengenal pasti data yang terdapat dalam sampel kajian. Untuk memastikan pengkaji mengenal pasti bahawa setiap perkataan yang dikeluarkan adalah perkataan pinjaman bahasa Arab, pengkaji akan melakukan semakan kepada kamus dewan. Kemudian, pengkaji akan menyemak semula perkataan tersebut dalam kamus Al-Ma'ani untuk memastikan perkataan tersebut tertulis dalam kamus bahasa Arab, Kamus Al-Ma'ani (KM) untuk menentukan perkataan-perkataan pinjaman bahasa Arab yang mengandungi vokal panjang. Seterusnya, perbandingan struktur perkataan bahasa Arab dan struktur perkataan bahasa Melayu untuk melihat vokal panjang yang berada dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

### **4. Analisis Data**

Pengkaji menyemak ejaan kata pinjaman bahasa Arab (KPBA) dan menukar kepada transkripsi bahasa Melayu. Bagi tujuan transkripsi, pengkaji merujuk kepada Abjad Fonetik Antarabangsa (Thelwall &

Sa'adeddin, 1999) supaya traskripsi fonetik untuk bahasa Arab yang digunakan dapat dipastikan secara tepat dan selaras. Sebagai contoh, perkataan ماهر dieja menggunakan Abjad Fonetik Antarabangsa sebagai māhir.

Selepas selesai proses transkripsi bahasa Melayu, pengkaji menganalisis vokal yang berubah daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu bagi menjawab persoalan kajian pertama, dengan menggugurkan satu segmen vokal pada transkripsi KPBA. Akhir sekali, pengkaji akan menggunakan teori Crowley (1987) untuk menjelaskan analisis perubahan vokal daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu bagi menjawab persoalan kajian kedua.

### Hasil Kajian dan Perbincangan

Sejumlah 20 patah perkataan pinjaman bahasa Arab didapati mengalami perubahan vokal panjang daripada perkataan asal ke vokal pendek. Terdapat juga perubahan fonem konsonan pada perkataan tertentu namun kajian ini fokus terhadap perubahan vokal sahaja. Perkataan pinjaman tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 6. Senarai perkataan pinjaman bahasa Arab dalam PTML

Bil.	Ejaan PMTL	Ejaan KM	Transkripsi	Bil.	Ejaan PMTL	Ejaan KM	Transkripsi
1	adat	عادۃ	‘ādat	11	kitab	کتاب	kitāb
2	adil	عادل	‘ādil	12	mahir	ماہر	māhir
3	akhbar	أخبار	axbār	13	maklumat	معلومة	ma’lūmat
4	akhir	آخر	axīr	14	nasihat	نصيحة	naṣīhat
5	alam	عالٰم	‘ālam	15	sahih	صحیح	ṣahīḥ
6	amanah	أمانة	amānah	16	soal	سؤال	su’āl
7	dunia	دنيا	dunyā	17	syukur	شكور	šukūr
8	haiwan	حيوان	hayawān	18	taat	طاعة	ṭā’at
9	insan	إنسان	insān	19	wujud	وجود	wujūd
10	kaedah	قاعدة	qā’idah	20	yakin	يقین	yaqīn

- Perubahan Fonem Dan Suku Kata Perkataan Pinjaman Bahasa Arab (SKPBA) Dengan Suku Kata Perkataan Asal Bahasa Arab (SKBA).

Perubahan fonem dan suku kata dapat dijelaskan seperti jadual di bawah:

Jadual 7. Perubahan fonem dan suku kata perkataan pinjaman bahasa Arab

SKBA	SKPBA	SKBA	SKPBA
[`ā.dat] <b>KVV.KVK</b>	→ [a.dat] <b>V.KVK</b>	[ki.tāb]	→ [ki.tab] <b>KV.KVK</b>
[`ā.dil] <b>KVV.KVK</b>	→ [a.dil] <b>V.KVK</b>	[mā.hir]	→ [ma.hir] <b>KV.KVK</b>
[ax.bār] <b>VK.KVVK</b>	→ [akh.bar] <b>VKK.KVK</b>	[ma’.lū.mat]	→ [mak.lu.mat] <b>KVK.KV.KVK</b>
[a.xīr] <b>V.KVK</b>	→ [a.khir] <b>V.KKV</b>	[na.st.hat]	→ [na.si.hat] <b>KV.KVV.KVK</b>
[`ā.lam] <b>KVV.KVK</b>	→ [a.lam] <b>V.KVK</b>	[ṣa.hīḥ]	→ [sa.hih] <b>KVK.KVK</b>
[a.mā.nah] <b>V.KVV.KVK</b>	→ [a.ma.nah] <b>VK.KV.KVK</b>	[su.āl]	→ [so.al] <b>KVK.VK</b>
[dun.yā] <b>KVK.KVV</b>	→ [du.nia] <b>KV.KVV</b>	[ṣu.kūr]	→ [syu.kur] <b>KKV.KVK</b>
[ha.ya.wān] <b>KV.KV.KVVK</b>	→ [hai.wan] <b>KVV.KVK</b>	[ṭā.’at]	→ [ta.at] <b>KV.VK</b>
[in.sān] <b>VK.KVVK</b>	→ [in.san] <b>KV.KVK</b>	[wu.jūd]	→ [wu.jud] <b>KV.KVK</b>
[qā.’i.dah] <b>KVV.KV.KVK</b>	→ [ka.e.dah] <b>KV.V.KVK</b>	[ya.qīn]	→ [ya.kin] <b>KV.KVK</b>

Vokal panjang bahasa Arab /ā/ paling banyak mengalami perubahan kepada vokal pendek /a/ sebanyak 13 perkataan (65%), diikuti oleh /ī/ berubah kepada /i/ sebanyak empat perkataan (20%), dan /ū/ berubah kepada /u/ sebanyak tiga perkataan (15%). Perubahan vokal panjang daripada bahasa Arab kepada vokal pendek dalam bahasa Melayu juga berlaku seperti dapatan Shah dan Mardhiah (2023) pada KPBA [‘ā.lam] menjadi [a.lam] dan [ha.qī.qah] kepada [ha.ki.kat] dan lain-lain lagi. Perubahan dua segmen vokal menjadi satu vokal juga terdapat dalam dialek bahasa Melayu seperti dialek Hulu Sik Kedah (Norfazila & Rahim, 2014), namun perbezaan antara KPBA dengan dialek Hulu Sik Kedah adalah jenis vokal yang berkurang. Bagi KPBA, vokal yang berkurangan adalah terdiri daripada vokal yang sama, seperti /a a/ berkurang kepada /a/ sahaja, manakala vokal yang berkurang dalam dialek Hulu Sik Kedah pula merujuk kepada dua vokal berbeza dan berubah kepada satu vokal sahaja, seperti /u a/ menjadi /o/ pada perkataan [pu.a.sa] menjadi [po.sa] dan /i a/ menjadi /e/ pada perkataan [nia.ga] kepada [ne.ga].

Terdapat pengurangan segmen dalam SKPBA dalam buku PMTL jika dibandingkan dengan ejaan asal bahasa Arab dan pengurangan segmen ini tidak mengubah bilangan suku kata antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Semua perkataan mengekalkan jumlah suku kata yang sama antara SKBA dan SKPBA. Bosli (2025) mendapati kata pinjaman bahasa Inggeris dalam dialek Arab Jizani juga menunjukkan perubahan segmen yang tidak mengurangkan jumlah suku kata pinjaman, seperti perkataan [feis.buk] menjadi [fes.buk] dan perkataan [tētu:] menjadi [ta:to:].

## 2. Proses Fonologi Yang Berlaku Pada Perkataan Pinjaman Bahasa Arab Dalam PTML Yang Berasal Daripada Vokal Panjang Kata Asli Bahasa Arab

Proses perubahan bunyi daripada teori Crowley (1987) berbentuk *sound loss* daripada jenis *syncope*, iaitu pengguguran segmen di tengah perkataan dikenal pasti berlaku pada semua KPBA yang terbentuk dengan vokal panjang daripada perkataan asal bahasa Arab dalam buku PMTL. Perubahan bunyi tersebut dianalisis seperti berikut:

Jadual 7. Proses perubahan vokal secara *syncope*

Vokal panjang Bahasa Arab	Proses cerakin vokal panjang	Vokal panjang dicerakinkan	proses <i>syncope</i>	Vokal pendek perkataan pinjaman
/ā/	→	/a a/	/a ə/	/a/
/ī/	→	/i i/	/i ɪ/	/i/
/ū/	→	/u u/	/u ʊ/	/u/

Segmen yang digugurkan dalam proses *syncope* ialah satu segmen daripada /a a/ lalu menjadi /a/, /i i/ lalu menjadi /i/, dan /u u/ lalu menjadi /u/. *Syncope* adalah proses yang digunakan oleh bahasa Melayu kerana bunyi vokal panjang bukan sistem kepada bahasa Melayu (Zaiton et al, 2024), samada dalam ucapan dan sebutan harian, ataupun kosa kata yang terkandung dalam kamus bahasa Melayu. Pada umumnya, fonem yang mengalami *syncope* adalah vokal yang tidak ditekankan dalam satu-satu perkataan, manakala dalam konteks KPBA, fonem yang tidak ditekankan adalah merupakan vokal yang digugurkan. Kesemua segmen yang digugurkan ini berada di tengah perkataan pinjaman bahasa Arab lalu menukar vokal panjang menjadi pendek.

Pemendekan vokal melalui pengurangan segmen turut berlaku pada KPBA dalam bahasa Maguindanon seperti perubahan /a a/ kepada /a/ pada perkataan [ʔix.la:s] yang menjadi [ʔix.las] dan [ʔus.ta:z] menjadi [ʔus.tads] (Menson, 2024). Kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu juga menunjukkan *syncope* kerap digunakan, seperti vokal panjang /ū/ pada perkataan [car.toon] berubah kepada vokal pendek [kar.tun], vokal panjang /ī/ berubah kepada /i/ pada perkataan [ho.kī] menjadi [ho.ki], dan lain-lain lagi (Hisamuddin, 2018). Terdapat juga *syncope* yang turut mengubah fonem vokal seperti subdialek Pulau Pinang, seperti perkataan [main] berubah kepada [men], [tua.la] menjadi [to.la], dan [daun] menjadi [don] (Ong et al, 2016).

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, vokal panjang bahasa Arab tidak dikenakan dalam bahasa Melayu memandangkan sistem fonetik bahasa Melayu hanya mempunyai vokal pendek, maka semua vokal panjang pada KPBA dalam bahasa Melayu diubah kepada vokal pendek pada kesemua 20 perkataan pinjaman bahasa Arab yang terdapat dalam buku PTML. Perkataan dalam bidang moral banyak dipinjam daripada bahasa Arab. Ini menunjukkan sikap baik dalam budaya Melayu juga berkait rapat dengan budaya Arab dan agama Islam melalui peminjaman beberapa perkataan.

Perubahan vokal panjang kepada vokal pendek ini berlaku juga kepada bahasa-bahasa lain yang tiada vokal panjang dalam sistem fonetik bahasa mereka. Perubahan tersebut tidak mengurangkan jumlah suku kata dalam bahasa Melayu melainkan pengurangan segmen sahaja yang terhasil daripada perubahan tersebut. Vokal /ā/ paling banyak mengalami perubahan dalam perkataan pinjaman yang berubah menjadi /a/, kemudian vokal /ū/ yang berubah kepada /i/, dan /ū/ yang berubah kepada /u/. Perubahan vokal panjang menjadi pendek ini melalui proses perubahan bunyi *sound loss* melalui jenis *syncope* yang menghilangkan satu segmen daripada perkataan di bahagian tengah. Kehilangan satu segmen daripada vokal panjang telah menukar vokal tersebut menjadi vokal pendek.

Implikasi daripada kajian ini membuka lembaran baru kepada penentuan dan penetapan proses fonologi yang sesuai kepada perkataan pinjaman daripada bahasa lain yang mempunyai vokal panjang pada perkataan asal dan dimasukkan dalam kosa kata bahasa Melayu, seiring dengan peredaran zaman masa kini yang menyaksikan banyak perkataan dan terminologi baru yang mungkin dipilih untuk dijadikan sebagai bahasa pinjaman kepada bahasa Melayu. Selain itu juga, kemas kini kaedah penulisan jawi yang sering menerima kosa kata baru boleh disandarkan kepada proses fonologi yang terlibat dalam perkataan pinjaman bahasa Arab secara khusus, dan bahasa-bahasa lain secara am dalam bahasa Melayu pada masa akan datang.

Pengkaji menggalakkan pengkaji akan datang untuk meneroka dimensi kajian fonologi yang berbeza dan mencadangkan kajian lanjutan menggunakan teori-teori fonologi lain seperti teori Optimaliti, non-linear, mora, dan sebagainya menggunakan sampel atau manuskrip yang dikemas kini supaya perkembangan peminjaman bahasa sentiasa dikaji dengan terperinci. Begitu juga data-data kajian daripada bahasa-bahasa lain boleh dilakukan untuk menjelaskan fenomena fonologi merentas pelbagai bahasa, samada melalui pinjaman bahasa ataupun dialek atau loghat bahasa setempat. Peminjaman bahasa Melayu daripada bahasa-bahasa lain boleh dikaji dengan lebih meluas memandangkan sejarah Melayu yang banyak berkait dengan budaya-budaya yang pelbagai latar belakang, di samping kewujudan kosa kata baru yang bakal memerlukan kepada proses fonologi yang tepat apabila perkataan ini dipinjam daripada bahasa asal menjadi bahasa Melayu dan dapat digunakan sebagai kosa kata bahasa Melayu.

**Penghargaan:** Artikel ini dibiayai oleh Bahagian Penerbitan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji mengesahkan tiada sebarang konflik kepentingan.

## Rujukan

- Ali Adrob, H. (2020). Phonological changes of Arabic loanwords in Bedawie. *SSRN Electronic Journal*. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3543361>
- Ahmed Thalal Hassan, Zaharani Ahmad, Imran Ho Abdulah, & Zamri Ahmad. (2011). Perantauan bangsa Arab ke Alam Melayu: Kesannya terhadap percambahan kata pinjaman Arab-Melayu. In: *Seminar Merantau: Imagining Migration in Malay World*, March 2011, Goethe, University of Frankfurt Germany. (Unpublished)
- Al-Haider, S. (2025). Optimality and correspondence theories in phonological shifts: A case study on Arabic guttural consonants in English loanwords. *Frontiers in Language Sciences*, 4, <https://doi.org/10.3389/flang.2025.1535723>
- Al-Hashmi, S. (2016). *The phonetics and phonology of Arabic loanwords in Turkish: Residual effects of gutturals*. [Doctoral dissertation, York: University of York].

- Almuddin, A., Lokman, M. N. A., Abd Rahman, M. Z., & Kassin, T. A. (2019). Analisis proses i'lāl dalam perkataan bahasa Arab sebelum dipinjamkan kepada bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 19(1). 66-95. [https://doi.org/10.37052/jb19\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb19(1)no4)
- Amalia, K. R. (2015). *Fonetik dan fonologi Al-Qur'an: Studi kasus PPTQ Nahdhotut Tholabah Wuluhan Jember*. [Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Kiai Haji Achmad Siddiq Jember].
- Amrulloh, M. A. (2020). Fonologi bahasa Arab: Tinjauan deskriptif fonem bahasa Arab. *Jurnal Al Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 8(1), 1-13. <http://dx.doi.org/10.24042/albayan.v8i1.353>
- Ana Puspitasari & Agus Subiyanto. (2020). A phonological analysis of English loanwords in Spanish language using distinctive features. *Indonesian Journal of EFL and Linguistics*, 5(2). 419-434.
- Bosli, R. (2025). The phonological adaptation of English loanwords in Jizani Arabic: An OT analysis. *Theory and Practice in Language Studies*, 15(2), 548-556. <https://doi.org/10.17507/tpls.1502.25>
- Brozbă, G. & Ungureanu, R. (2019). The phonological adaptation of loanwords in Italian. *Bucharest Working Papers in Linguistics XX*, 2, 31-52.
- Crowley, T. & Bowern, C. (2010). *An introduction to historical linguistics*. New York: Oxford University Press.
- Dina Adzkia Izzanti, Mutiara Islami Uvaradzikri, Nadhif Alfajar. (2025). The nature of phonology in a descriptive review of Arabic phonemes. *Al-Hibrū: Jurnal Ilmu Bahasa Arab dan Pembelajarannya*, 1(2). 1-8. <http://dx.doi.org/10.59548/hbr.v2i1.317>
- Fina Nur Fadhilah, Af'idatul Khadijah, Sri Suriyani, Rika Astari, M. Irfan Faturrahman. (2020). Perubahan bunyi bahasa Arab fusha ke dalam dialek Mesir pada lagu Tamally Ma'ak. *'A Jamiy: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, 9(1), 47-68.
- Nayif Fairuza. (2018). *Fonologi dan morfologi Arab dialek Libya*. [Tesis Sarjana: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga]
- Faridah Nazir & Maridah Alias. (2013). *Fonetik dan fonologi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Gani, S. (2019). Kajian teoritis struktur internal bahasa (fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik). *Al-Jamiy: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, 7(1), 1-20.
- Ghafoor, A., Haneef, I., Norren, S., Kanawa, I., & Sharif, I. (2025). Phonological adaptation of English loanwords In Hindko: Analyzing socio-linguistic influences in Hazro. *ACADEMIA International Journal for Social Sciences*, 4(1), 357-374.
- Hashemi, E. S., Kambuziya, A. K. Z., Aghagolzade, F., & Golfam, A. (2014). Phonological adaptation of Arabic loan words in Persian: Consonants. *International Journal and Humanities and Social Science*, 4(6), 225-236.
- Hawkins, P. (2018). *Introducing phonology*. London: Routledge.
- Hayes, B. (2007). *Introductory Phonology*. Los Angeles: UCLA.
- Hisamuddin Abdul Ghani. (2018). Kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu dari sudut sosiolinguistik. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah: Universiti Putra Malaysia].
- Idsardi, W. J. & Monahan, P. J. (2016). Chapter 12 – Phonology: *Neurobiology of Language*. Academic Press. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-407794-2.00012-2>.
- Iskender, H. I. (2015). *The phonology of Arabic loanwords in Turkish: The case of t-palatalisation*. [Doctoral dissertation: SOAS, University of London].
- Julul, A. A. H. (2020). *The phonological and morphological adaptations of the Arabic loanwords in the Indonesian language* [Doctoral dissertation, Universitas Airlangga].
- Marican, S. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Kuala Lumpur: Prentice Hall
- Lina Marlina. (2019). *Pengantar ilmu ashwat*, Bandung : Fajar Media
- Menson, A. B. (2024). Empowering Maguindanaon identity: Phonological adaptation of Arabic loanwords as a pathway to linguistic preservation and sustainable development (SDG 4 & SDG 11). *Journal of Lifestyle and SDGs Review*, 5(2), e02142. <https://doi.org/10.47172/2965-730X.SDGsReview.v5.n02.pe02142>

- Menson-Makalingkang, A. B., & Echavez, N. Q. (2021). Phonological adaptation of Arabic loanwords in Maguindanaon. In *International Conference on Sustainable Innovation Track Humanities Education and Social Sciences (ICSIHES 2021)*, 55-60. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.211227.010>
- Messaoudi, Y. (2022). The adaptation of Arabic loanwords in English: A phonological analysis. *Journal of El-Nas*, 80, 1081-1104.
- Mohamad NorTaufiq NorHashim & Aniswal Abdul Ghani. (2022). Asal usul perkataan dalam Bahasa Melayu: Penelitian dari sudut etimologi. *Issues in Language Studies*, 11(1), 1-19. <https://doi.org/10.33736/ils.4413.2022>
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah pengkajian pendidikan (Edisi Ke-7)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hilmie Mohd Mokhtar, Barathi Santhasan, & Anuratha Bai Subramaniam. (2020). *Pendidikan Moral Tingkatan Lima*. Ipoh: Percetakan Zainon.
- Muhaimin Syaqiq Mawaridi, Abdul Azim Mohamad Isa & Lutfi Hassan. (2024). Phonological analysis of syllabic changes of Arabic loan verbs. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 21(4), 120 – 131. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2104.10>
- Najib, I. (2022). *Mu'jām Al-Ma'ānī*. Baghdad: Matba'ah Al-Zamān.
- Nasir Husain, Abubakar Achmad, Galib Muhammad, Kasim Amrah & Mahfudz Muhsin. (2023). Tafsir mushafi tentang fonologi dan ragam modelnya: Perbedaan vokal dalam Quran dalam pandangan fonetik moden. *Eloquence: Journal of Foreign Language* 2, 267-282. <https://doi.org/10.58194/eloquence.v2i2.655>.
- Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir. (2012). *Fonologi Melayu*. Kuala Lumpur: Aslita Sdn Bhd.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. (2014). Proses pemanjangan vokal dalam dialek Hulu Sik Kedah: Satu penerapan teori fonologi generatif model non-linear. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 9(2), 195 – 205.
- Noor Azlina Zaidan, Muhammad Azhar Zailani & Wail Muin Ismail. (2015). Absorption of Arabic words in Malay language, *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 8(3), 51-57.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2018). *Fonologi bahasa Kerinchi berdasarkan teori autosegmental*. [Tesis Sarjana Kedoktoran: Universiti Putra Malaysia].
- Nursuhada Saufi, Ummielmassyuria Zulkipli, Nurul Zafirah Amran, Amira Ayuni Muslim & Farah Nur Amira Hasmat. (2017). Peralihan vokal /i/, /o/ dan /a/ dalam dialek Melaka. *E-Bangi: Journal Special Issue 2*, 92-103.
- Ong Su Teck, Nur Syahida Adilah Suri & Rahim Aman. (2016). Fonologi subdialek Pulau Pinang: Satu kajian di Balik Pulau. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 11(1), 187 – 202.
- Pabiyah Toklubok & Che Radiah Mezah. 2011. Penggunaan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu dan implikasinya terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Linguistik*, 13, 1-16.
- Prihandani, R. A. & Subiyanto, A. (2021). Phonological processes of English loanwords from French: A transformational generative phonology approach. *ANUVA Jurnal Kajian Budaya, Perpustakaan, dan Inovasi*, 5(1), 25-42. <https://doi.org/10.14710/anuva.5.1.25-42>
- Puteri Roslina. (2012). *Menelusuri peristilahan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shamimah Mohideen. (2006). A study of English loan words in selected bahasa Melayu newspaper articles. [Master Thesis: International Islamic University Malaysia].
- Shah, M. N., & Mardiah, Z. (2023). Perubahan fonologi kata serapan bahasa Arab dalam bahasa Indonesia: Studi kasus kosakata agama Islam pada KBBI Online. *Jurnal Al-Azhar Indonesia Seri Humaniora*, 8(3), 169-175. <http://dx.doi.org/10.36722/sh.v8i3.1806>
- Siti Aisah Zailani, Adi Yasran Abdul Aziz & Suhaila Zailani. (2023). Pengguguran konsonan obstruen-homorganik dalam bahasa Semai Hulu Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(1), 31-43.
- Ratna Hanin Salleh Udin. (2018). *Perkembangan pertuturan murid-murid bermasalah pendengaran menggunakan video latihan pertuturan*. [Ijazah Sarjana: Universiti Pendidikan Sultan Idris].

- Waridah, W. (2016). Pemerolehan fonologi dalam perkembangan bahasa anak. *Jurnal Diversita*, 2(1). 1-10. <http://dx.doi.org/10.31289/diversita.v2i1.505>
- Thamanna, R. P. & Somdev, K. (2024). Intervocalic gemination in Mappila Malayalam: Evidence from Perso-Arabic loanwords. *SKASE Journal of Theoretical Linguistics*, 21(1). 2-31.
- Terfa, A. (2024). Phonological effects and functions of English loan-words on the Tiv grammar. *African Social Science and Humanities Journal*, 2(1), 35-46. <https://doi.org/10.57040/asshj.v2i1.26>
- Thelwall, R., & Sa'adeddin, M. A. (1999). *Arabic handbook of the International Phonetic Association: A guide to the use of the International Phonetic Alphabet*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Yahaya, F.Y; Almuddin, S; Abd Hamid, M. Z. (2016). Vokal schwa dalam kata pinjaman bahasa Arab. *Voice of Academia (VOA)*, 11 (1). 18-29.
- Zaiton Zakarya, Salinah Jaafar, Mardian Omar, & Li Wanjun. (2024). Masalah fonologi Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti di China. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 21(4), 231 – 245. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2104.19>
- Zulfadli Aziz, Rob Amery, & Faisal Mustafa. (2023). Vowel adaptations of Indonesian loanwords into dialects of Acehnese: Reinforcing Acehnese identity. *Studies in English Language and Education*, 10(1), 447-469. <https://doi.org/10.24815/siele.v10i1.25488>